

Harta Karun Apungan

Heng Kok Liang
heng5566liang@gmail.com

Mengapa diperlukan?

OBJEKTIF:

- Membantu murid menghafal dan mengeja nama bentuk geometri dengan betul.
- Menarik minat murid untuk belajar Matematik.

MASALAH UTAMA:

- Didapati murid menghadapi masalah untuk mengeja nama bentuk geometri 2 Dimensi dan 3 Dimensi dengan betul.
- Murid mengeja nama bentuk geometri mengikut sebutan nama bentuk tersebut.

Apa Yang Ada Dalam Aplikasi Ini?



Hubungilah 010-9666892

Kegunaan inovasi?

Aplikasi 'Harta Karun Apungan' merupakan satu aplikasi untuk membantu murid sekolah untuk mengingati ejaan pelbagai jenis bentuk geometri 2 Dimensi, 3 Dimensi dan bentangan bentuk-bentuk geometri melalui pembelajaran melalui permainan interaktif iaitu "Harta Karun Apungan" ataupun juga dikenali sebagai "Floating Treasures". Menurut Norshuhada Samsudin et al. (2017), melalui permainan interaktif, minda para pelajar akan dapat dirangsang dan pelajar akan dapat mempelajari sesuatu kemahiran matematik dengan cara yang aktif dalam keadaan yang tidak formal. Hal ini bermaksud, permainan interaktif dapat meningkatkan proses pembelajaran para pelajar. Inovasi yang dihasilkan ini turut berperanan dalam memastikan para pelajar berupaya untuk mengeja nama-nama bentuk geometri 2D dan 3D dengan betul di mana para pelajar diberikan peluang untuk mengulang semula sesuatu tahap sekiranya gagal mengeja dengan betul nama-nama bentuk geometri yang dipaparkan.




Cara Menggunakan Aplikasi "Harta Karun Apungan"

Murid membuka aplikasi ini dan akan keluar paparan gambar seperti di sebelah. Murid dikehendaki untuk mengikuti arahan yang diberikan sewaktu aplikasi ini dimainkan.

Pilihan Dwibahasa



Bahagian Nota



Bahagian Permainan



Kumpulan Sasaran

Kesemua tahap prestasi murid sesuai menggunakan aplikasi ini sama ada lemah, sederhana, ataupun baik.

Bilakah inovasi ini sesuai digunakan oleh murid sekolah rendah?

Sesuai digunakan pada bila-bila masa sahaja asalkan mempunyai kemudahan komputer dan akses internet ataupun aplikasi Scratch.